



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 4 TAHUN 2014**

**MIGRASI PERKHIDMATAN
KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI**

TARIKH: 4 April 2014

Semua Pengendali Berlesen Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Teksi Di Semenanjung Malaysia

MIGRASI PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua pengendali berlesen kenderaan perkhidmatan awam (“KPA”) kelas teksi berhubung dasar Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) mengenai migrasi jenis perkhidmatan teksi bajet, premier dan eksekutif kepada jenis perkhidmatan Teksi 1Malaysia (“TEKS1M”).

2. LATAR BELAKANG

2.1 S.P.A.D. bertanggungjawab untuk menggubal polisi, merancang dan mengawal selia pengangkutan awam darat dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714).

2.2 S.P.A.D. komited dalam usaha menambahbaik dan mentransformasikan perkhidmatan KPA kelas teksi di Semenanjung Malaysia.

2.3 TEKS1M merupakan perkhidmatan teksi yang diperkenalkan oleh S.P.A.D. sebagai salah satu inisiatif mentransformasikan industri teksi yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang awam selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 24 Mac 2013.

3. HALA TUJU MIGRASI TEKSI

3.1 Proses migrasi perkhidmatan KPA kelas teksi jenis perkhidmatan bajet, premier dan eksekutif kepada jenis perkhidmatan TEKS1M ini melibatkan penukaran imej, kenderaan dan tahap perkhidmatan yang disediakan kepada orang awam.

3.2 Bagi menjayakan proses migrasi ini, S.P.A.D. telah menetapkan agar semua perkhidmatan KPA kelas teksi mesti ditukarkan kepada jenis perkhidmatan TEKS1M melalui program yang dijalankan secara berperingkat, bergantung kepada had usia kenderaan atau tempoh sah laku surat tawaran kelulusan (“STK”) atau surat kelulusan (“SK”). Pertukaran jenis perkhidmatan merupakan batu loncatan kepada industri perkhidmatan teksi yang lebih selamat, selesa, dan efisien.

3.3 Antara aspek-aspek yang diberi penekanan adalah seperti berikut:

3.3.1 Spesifikasi kenderaan yang lebih selamat dan selesa.

3.3.2 Penyelarasan jenis kenderaan bagi memudahkan:

- pengenalan perkhidmatan teksi kepada orang awam; dan
- pengoperasian dan pengendalian operasi teksi.

3.3.3 Kadar tambang yang lebih berpatutan kepada pengguna dan pengendali berlesen, sejajar dengan tahap perkhidmatan yang ditawarkan dan berupaya untuk menampung kos pengoperasian

3.3.4 Khidmat tempahan perkhidmatan teksi:

- membolehkan pengendali berlesen menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien mengikut permintaan di sesuatu tempat; dan
- memastikan orang awam mudah memperolehi perkhidmatan teksi.

4. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4.1 S.P.A.D. memutuskan bahawa proses migrasi perkhidmatan KPA kelas teksi **jenis perkhidmatan bajet, premier dan**

eksekutif kepada jenis perkhidmatan TEKS1M bermula dari tarikh pekeliling ini dikuat kuasakan.

- 4.2 Satu jangkamasa peralihan selama 6 bulan diberikan dan akan berakhir pada 31 Oktober 2014 (Lampiran 1).
- 4.3 Semasa tempoh peralihan, semua pengendali berlesen KPA kelas teksi **jenis perkhidmatan bajet, premier dan eksekutif** yang kenderaannya telah mencapai had usia penggunaan adalah diwajibkan menukar **kepada jenis perkhidmatan TEKS1M pada atau sebelum 31 Oktober 2014**. Walaubagaimanapun permohonan sebelum tamat had usia kenderaan adalah digalakkan.
- 4.4 Selepas 31 Oktober 2014, semua pengendali berlesen perkhidmatan KPA kelas teksi **jenis perkhidmatan bajet, premier dan eksekutif** diwajibkan menukar **kepada jenis perkhidmatan TEKS1M** apabila telah mencapai had usia penggunaan kenderaan.
- 4.5 Bagi STK atau SK Ganti Kenderaan KPA kelas teksi **yang masih sah tempoh laku pada atau selepas 1 November 2014** dianggap sebagai STK atau SK bagi jenis perkhidmatan TEKS1M dan tertakluk sepenuhnya kepada syarat-syarat kelayakan TEKS1M.

5. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai bagi semua pengendali berlesen perkhidmatan KPA kelas teksi jenis perkhidmatan bajet, premier dan eksekutif di Semenanjung Malaysia.

6. TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan pekeling ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2014**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

s.k. Semua Persatuan Teksi Semenanjung Malaysia

Semua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri
Semenanjung Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif, PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Jadual Pelaksanaan

1 Mei 2014

- Boleh mula membuat permohonan migrasi TEKS1M

1 November 2014

- Bermula tarikh mandatori migrasi TEKS1M

